

# Hak lindung kanak-kanak

*Dalam Akta Kanak-kanak 2001 istilah penganiayaan diperluas bagi menangani kes penderaan tanpa batasan*

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof

**K**ES penderaan kanak-kanak yang pernah berlaku di negara ini memberikan impak besar kepada masyarakat, lantas membentuk Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 seterusnya pindaan kepada Akta Kanak-Kanak 2001. Berita baiknya istilah penganiayaan, diperluaskan bererti semakin banyak perlindungan kepada kanak-kanak.

Sayangnya ada segelintir individu yang tidak melihat ini sebagai sesuatu yang menakutkan, sebaliknya semakin kerap penganiayaan dilakukan seperti dilaporkan di dalam akhbar. Bagaimana pula kes yang tidak dilaporkan? Mungkinkah ia lebih banyak lagi?


Keperntingan mengetahui mengenai istilah penganiayaan mungkin membantu kita menjadi masyarakat berilmu dan mempertingkatkan kesedaran mengenai penganiayaan, sekali gus menyelamatkan dan melindungi kanak-kanak daripada kerakusan manusia bertopeng haiwan.

Perlulah diingatkan bahawa penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak boleh berlaku di mana-mana sama ada dalam keluarga miskin, pertengahan atau atasan. Justeru, menjadi tanggungjawab setiap individu untuk menyedari perkara ini supaya kanak-kanak dapat diberi perlindungan sewajarnya.

Pegawai Pelindung Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Saiful Bahari Mohd Said, berkata isu mengenai penganiayaan kanak-kanak



**BERKUMPUL:** Kanak-kanak akan berasa lebih selamat di bawah penjagaan pihak yang betul.



**“**Kanak-kanak dianiaya dilihat sering mempunyai masalah dalam pendidikan termasuk ponteng, tidak minat pulang ke rumah selepas waktu sekolah, letih dan mengantuk dalam kelas selain menutup sesuatu pada tubuh”

**Saiful Bahari Mohd Said**  
Regawai Pelindung Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

GAMBAR HIASAN

ini banyak mendapat perhatian daripada orang ramai dan ia bukanlah bukti utama semakin ramai yang melakukan penganiayaan, sebaliknya menggambarkan kesedaran umum, pengiktirafan profesional yang lebih baik dan keengganan masyarakat bertoleransi dengan penderaan kanak-kanak.

Jelasnya, penganiayaan kanak-kanak ialah satu tindakan pengabaian atau perwakilan kuasa yang membahayakan atau melemahkan keupayaan seorang kanak-kanak dari segi fizikal, psikologi, emosi atau kesihatan sosial dan perkembangannya.

Penganiayaan bermakna mencederakan dengan giat, mengeksploitasi secara seksual, gagal untuk memberi penjagaan atau menghalang seorang kanak-kanak daripada mendapat kasih sayang.

"Ia boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu penganiayaan fizikal, seksual, emosi dan pengabaian. Ia boleh dilihat secara jelas menerusi pandangan mata, tetapi ada juga

yang tidak dapat dilihat seperti membabitkan emosi. Penderaan emosi contohnya membabitkan gangguan lisan yang sering dikenakan ke atas seseorang kanak-kanak dengan cara merendharkannya, ugutan, cemoohan kritikan, pertalian kasih sayang dan dengan perkataan atau tidak diganti dengan pengunduran atau penolakan.

"Pengabaian mengandungi kedua-dua kekurangan penjagaan dan pengawasan fizikal dan kegagalan memenuhi kehendak perkembangan seseorang kanak-kanak dari sudut perangsangan kognitif. Seseorang kanak-kanak itu 'cedera' dari segi emosi sekiranya ada kecacatan yang nyata dan ketara ke atas fungsi mental atau emosi yang dibuktikan dengan antara lainnya kelakuan dan pemikiran yang kelam kabut termasuk kerisauan, kemurungan, pengunduran, pencerobohan atau perkembangan yang lambat," katanya ketika ditemui pada Kursus Bersiri Pembangunan Keluarga Ilmu Keluarga@LPPKN anjuran Lembaga

Penduduk dan Penganiayaan Keluarga Negara (LPPKN) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Katanya, penganiayaan fizikal pula bermakna kecederaan yang bukan kemalangan ke atas seorang kanak-kanak dilakukan oleh seseorang, ibu bapa atau penjaganya. Ia meliputi kecederaan yang disebabkan oleh disiplin keterlaluan, pukulan atau goncangan yang teruk, lebam, luka, kebakaran, patah dan terkehel, cubaan untuk melemaskan atau mencekik serta kematian.

Istilah berkenaan juga termasuk penyalahgunaan dadah atau alkohol ke atas kanak-kanak atau seseorang kanak-kanak yang dilahirkan terpaksa bergantung kepada dadah atau menghadapi sindrom alkohol sejak janin.

"Penganiayaan seksual bererti seseorang kanak-kanak itu mengambil bahagian sama ada sebagai peserta atau pemerhati di dalam apa-apa aktiviti yang mempunyai unsur seksual untuk tujuan bahan pornografi, lucah atau tidak sopan,

gambar rakaman, filem, pita video atau pertunjukan mahupun untuk tujuan eksploitasi seksual oleh mana-mana orang untuk kepuasan seksual orang berkenaan atau mana-mana pihak lain.

"Pengabaian emosi bermakna tiada tindakan oleh penjaga kanak-kanak bagi memenuhi keperluan kanak-kanak untuk pemeliharaan dan perkembangannya. Pengabaian fizikal bermakna kegagalan untuk melindungi keadaan kesihatan fizikal kanak-kanak yang meliputi juga pengabaian pemakanan seimbang dan kegagalan pemberian perlindungan perubatan," katanya.

Mengenal kanak-kanak yang didera atau dianiaya, boleh diagak kerana selalunya ia menunjukkan tanda yang sama seperti kelihatan berlainan daripada kanak-kanak lain terutama dari segi fizikal dan emosi, menunjukkan ibu bapa menyatakan sesuatu yang negatif mengenai kanak-kanak berkenaan.

"Tanda lain yang jelas kelihatan ialah kanak-kanak berkenaan

takut kepada ibu bapa, ada tanda kecederaan fizikal yang tidak diubati, comot, menunjukkan tingkah laku keterlaluan seperti agresif atau pasif. Selalunya mereka juga memiliki rasa ragu untuk berhubung dengan orang dewasa selain menunjukkan perubahan tingkah laku yang mendadak seperti agresif, kencing malam atau dalam seluar, hisap ibu jari atau terlalu pasif atau malu.

"Tidak seperti kanak-kanak ceria, kanak-kanak dianiaya dilihat sering mempunyai masalah dalam pendidikan termasuk ponteng, tidak minat pulang ke rumah selepas waktu sekolah, letih dan mengantuk dalam kelas selain menutup sesuatu pada tubuh. Saya masih ingat satu kes di Selangor tahun lalu yang mana seorang budak perempuan yang tidak pernah memakai tudung, tiba-tiba memakai tudung. Dia berbuat demikian kerana kepalanya cedera dan berdarah yang dapat dilihat menerusi tudungnya apabila diketuk dengan benda tajam oleh ibunya," katanya.

## FAKTA

### Jenis Penganiayaan Kanak-kanak

1. Penganiayaan fizikal
2. Penganiayaan Seksual
3. Penganiayaan emosi
4. Pengabaian

### Maklumat untuk diberikan untuk membuat laporan :

- Nama kanak-kanak yang anda syaki dianiayai atau diabai dan alamatnya.
- Umur dan jantina kanak-kanak.
- Nama dan alamat ibu bapa atau penjaga kanak-kanak.
- Nama orang yang anda syaki menganiayai atau mengabai kanak-kanak itu.
- Mengapa anda mengesyaki kanak-kanak itu dianiayai atau didera.
- Maklumat lain yang boleh membantu.

- Nama anda sekiranya anda ingin berikan. Ini akan membolehkan Pegawai/Pelindung kanak-kanak memperoleh lebih banyak maklumat daripada anda jika perlu, tetapi anda mempunyai pilihan sekiranya tidak hendak mengenali diri. Kes berkenaan akan disiasat sama ada dan memberitahu nama anda atau tidak.

### Tanda Penganiayaan Kanak-kanak

#### 1. Tanda penganiayaan fizikal

- Jika kanak-kanak dipukul/dirotan/disebat sudah tentu meninggalkan kesan yang ketara, misalnya tanda luka/berdarah, tanda bengkak, tanda berbalur dan tanda lebam.
- Jika kanak-kanak disimbah cecair (air/minyak)panas, pastikan kelihatan kesan kulit melecur atau melepuh/mengelupas pada bahagian anggota badan.
- Jika kanak-kanak dicucuk atau

dikenakan besi/benda panas sering kelihatan tanda hangus, melecur dan jika yang teruk itu ada kesan kulit menggelembung serta berair. Kesan melecur atau tanda hangus/terbakar. Tanda melecur (spots) biasanya disebabkan oleh rokok atau ubat nyamuk.

- Tiada tanda yang ketara bagi kanak-kanak yang dirantai/diikat sekiranya dia sudah dilepaskan. Begitu pun, jika kanak-kanak dirantai/diikat lebih lama, ada kemungkinan masih ada bekas rantai besi/ikat pada tubuh kanak-kanak itu.
- Bagi kanak-kanak yang dikurung, jika dia sudah dilepaskan daripada kurungan, kanak-kanak itu berkelakuan sama ada terlalu liar/garang atau pendiam/takut kepada orang (hostile).
- Jika kanak-kanak ditumbuk/disepak/dipulas sering meninggalkan tanda lebam atau tanda biru kehitaman.
- Dari segi penganiayaan fizikal, kesan lama juga dititikberatkan ker-

ana walaupun tiada bekas/tanda baru, tanda lama seperti bekas parut luka atau lebam membuktikan yang kanak-kanak pernah dianiayai secara fizikal.

#### 2. Tanda penganiayaan emosi

- Penganiayaan di bawah jenis ini biasanya tidak menunjukkan tanda ketara, tetapi dapat dilihat daripada sikap kanak-kanak yang menunjukkan misalnya perasaan kesepian; resah gelisah; berwajah cemas; kelihatan cemas dan ketakutan.

#### 3. Tanda penganiayaan seksual

- Tanda rogol/diperkosa tidak dapat dilihat kecuali diperiksa dengan doktor pada bahagian tertentu pada anggota tubuh kanak-kanak berkenaan.
- Kanak-kanak yang disuruh melacur biasanya kelihatan lebih tua daripada umurnya dan suka menghias diri.
- Jika berlaku hubungan jenis tanda ketara tidak dapat dilihat kecuali selepas mendapat

pengesahan doktor.

- Tiada tanda ketara jika dipegang/disentuhi, semata-mata bergantung kepada laporan/pengaduan yang dikemukakan oleh 'mangsa' berkenaan atau saksi yang melihat kejadian itu.
- Terdedah kepada bahaya moral tidak dapat dilihat tandanya dengan mudah. Walaupun begitu, biasanya kanak-kanak sebegini terlalu bergaul bebas, balik lewat malam, melepak dipasar raya/kompleks beli-belah/taman hiburan dan sebagainya.

#### 4. Tanda pengabaian

- Kanak-kanak yang diabaikan dari segi fizikal mungkin mempunyai tubuh yang kurus lebih kecil daripada usianya kerana kekurangan makanan yang seimbang atau sakit yang berterusan kerana tidak diberi rawatan. Sekiranya diabaikan dari segi emosi kanak-kanak selalunya mahukan perhatian dan kasih sayang daripada orang yang baru dikenalnya.